

## Manifestasi Keluhuran Wanita dalam Peribahasa Cerminan Peradaban Melayu

Zabedah Mohammed<sup>1\*</sup> dan Shaiful Bahri Md Radzi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

### ABSTRAK

*Kertas kerja ini membicarakan pelukisan keluhuran wanita Melayu yang dirungkai menerusi peribahasa. Keluhuran wanita merujuk kepada sifat mulia yang ada pada mereka sama ada digambarkan secara lahiriah mahupun batiniah. Mengikut klas gender, wanita diletakkan sebagai jantina kelas kedua dalam masyarakat Melayu tradisional. Namun begitu, kehasilan ungkapan tentang wanita memperlihatkan bahawa mereka tidak dipinggirkan malahan ditatang oleh masyarakat Melayu walaupun dicitrakan secara negatif. Dalam perbincangan ini, keluhuran wanita berfokus pada fitur dan fiil golongan tersebut. Orang Melayu memiliki ukuran tentang fitur dan fiil wanita. Seolah-olah terdapat syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi dan diamalkan oleh wanita Melayu seperti yang dipateri dalam peribahasa. Wanita akan dipuji sekiranya mempamerkan keakuran dan disinis serta dikecam atas tindakan yang bercanggah. Rasionalnya, orang Melayu berkeinginan golongan wanita memiliki kecantikan yang menyeluruh secara lahiriah mahupun batiniah. Keluhuran wanita dalam makalah ini dicermati secara analisis dokumen dan berlandaskan sifat wanita yang disusun oleh Tenas Effendy (1989) dalam naskhah Perempuan Dalam Acuan Budaya Melayu Riau. Hasil daripada penelitian tersebut didapati bahawa orang Melayu mempunyai piawaian mengikut acuan mereka untuk membentuk wanita ideal. Kemuliaan wanita dicitrakan dari segi rupa paras yang cantik, bentuk badan yang anggun, santun dalam pergerakan, serta berkeperibadian mulia. Kemuliaan wanita yang terungkap dalam khazanah lisan ini amat relevan dan bersifat malar segar. Pemahaman tentang keluhuran wanita mampu memperlihatkan kelestarian peradaban Melayu sejak berabad-abad yang lalu yang tidak menongkah zaman malahan praktikal sehingga era ini.*

**Kata Kunci:** Keluhuran Wanita, Peribahasa Melayu, Peradaban Melayu, Fiil dan Fitur, Lahiriah dan Batiniah

## The Manifestation of Women Supremacy in the Proverbs of the Malay Civilisation

### ABSTRACT

*This paperwork discusses about the portrayal of Malay women's supremacy via the medium of proverbs. Women supremacy refers to the nobility in their characteristics that are portrayed through physical and spiritual qualities. According to the gender class, women is often regarded as a second-class gender in the traditional Malay community. Nevertheless, the existence of literatures on women suggests that they are often respected and highly regarded in the Malay community despite the negative impersonation of such quality. In this discussion, women supremacy is focused upon their features and behaviour. The Malay community believes that there is a measure of features and behaviours welded in the proverbs that should be adhered by all female members of the community where they will be applauded for their conformity to such measure and condemned in the act of disconformity. This is because the Malay community hopes for their women to have a*

---

\*Koresponden: [zabedah.mohammed@gmail.com](mailto:zabedah.mohammed@gmail.com)

*holistic beauty in both physical and spiritual qualities. The aspect of women supremacy in this paperwork is investigated by analysing related documents and is based upon the characteristics and quality of women as suggested in a writing by Tenas Effendy (1989) titled Perempuan Dalam Acuan Budaya Melayu Riau (Women in Reference to the Malay Riau Culture). The findings show that the Malay community possesses a particular quality and standard that moulds their view of an ideal woman. In this case, the nobility of a woman is often portrayed through qualities such as beautiful faces, graceful physical appearance, elegant manners, and dignified personalities. These qualities are envisioned in the oral literatures and are deemed as relevant and preserved. Such understanding on the aspect of women empowerment demonstrates the sustainability of the Malay civilisation as well as its compatibility and longitudinal practicality to this era.*

**Keywords:** Women Supremacy, Malay Proverbs, Malay Civilisation, Features and Behaviours, Physical and Spiritual

## PENGENALAN

Keluhuran dikaitkan dengan kemuliaan atau ketinggian sesuatu perkara. Keluhuran bersifat subjektif. Dalam konteks perbincangan ini, keluhuran wanita ditautkan dengan kemuliaan kaum tersebut sama ada secara lahiriah mahupun batiniah. Secara lahiriah, sering diperkatakan keluhuran wanita dari segi rupa paras, bentuk badan, dan penampilan. Batiniah pula, merupakan sifat yang tidak dapat dinilai dengan mata kasar tetapi dijelmakan melalui tindakan dan perbuatan seperti bersopan-santun dan berbudi bahasa. Keluhuran diri akan membentuk identiti diri. Masyarakat Melayu mempunyai takrifan yang luas tentang keluhuran wanita. Bagi orang Melayu, asas dirinya adalah nilai-nilai keislaman yang dijabarkan ke dalam tamadun dan kebudayaan dan dijadikan “keperibadian” serta “pakaian diri” dalam kehidupan sehari-hari (Tenas Effendy, 2001). Secara kolektif, orang Melayu menggariskan keluhuran wanita mengikut acuan masyarakat bagi memastikan mereka memiliki kesempurnaan dan keelokan lahiriah serta batiniah.

Sastera pelukisan bangsa. Peribahasa merupakan antara genre sastera lisan yang mampu menyerlahkan peradaban Melayu yang disaluti ciri tertentu. Unikunya, pelbagai kisah tentang wanita turut diperihalkan menerusi ungkapan ringkas ini. Wanita dicitrakan secara positif dan negatif serta dilukiskan secara metafora. Dalam konteks ini, peradaban Melayu terpancar menerusi ketajaman pemikiran yang dimiliki oleh bangsa tersebut. Ciri keluhuran yang dimiliki oleh wanita mampu mengangkat harga diri mereka dan meletakkan mereka pada kedudukan yang disanjung dan diteladani serta mampu menggambarkan ketinggian peradaban Melayu.

Masyarakat Melayu lama sememangnya telah mempunyai peradaban. Menurut Mohd. Koharuddin (2005) peradaban atau tamadun Melayu adalah suatu puncak pencapaian sejumlah perlakuan yang baik dan luhur sama ada dari segi pemikiran dan perlakuan yang membentuk sebuah masyarakat yang teratur dan mementingkan kesejahteraan sosial untuk menyempurnakan segala kehidupannya. Perkataan peradaban ada kaitan dengan akar kata *adab* yang mempunyai hubungan erat dengan *etika*. Perkataan *adab* yang berasal daripada bahasa Arab secara harfiah bermaksud prinsip bertingkah laku atau kesan daripada tingkah laku yang baik dan benar (Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin: 2017). Rangkuman daripada pandangan tersebut maka dapat dirumuskan bahawa sememangnya peribahasa merupakan antara korpus yang boleh dicermati untuk mengenali dan memahami peradaban Melayu.

## TINJAUAN LITERATUR

### **Pengungkapan Wanita dalam Peribahasa Melayu**

Kajian tentang peribahasa tidak bernoktah. Terdapat banyak kajian telah dilakukan dalam korpus ini dari dahulu hingga kini. Pembicaraan tentangnya begitu luwes. Dari aspek falsafah dan pemikiran, bual bicara tentang peribahasa sering dipertalikan dengan resam dan budaya orang Melayu. Kehasilannya pula dikaitkan dengan penyalinan semula unsur-unsur alam. Khazanah lisan ini juga diteliti akan maknanya secara tersurat mahupun tersirat. Pelbagai kupasan tema dijadikan wadah bicara tidak terkecuali perihal tentang wanita. Bahiyah dan Hafriza (1998) serta Rahimah dan Shaiful Bahri (2014) mengetengahkan persoalan gender yang terselindung di sebalik peribahasa Melayu. Kedua-dua wacana tersebut turut membincangkan tentang wanita. Perbincangan Bahiyah dan Hafriza (1998) berfokus pada peribahasa yang memakai unsur metafora wanita dan lelaki secara serentak. Intipati perbincangan yang dibawakan amat menarik kerana setiap ungkapan dikaitkan dengan nilai moral. Persoalan berkaitan gender dalam peribahasa Melayu turut diangkat oleh Rahimah dan Shaiful Bahri (2014) dengan kupasan tentang wanita dan lelaki yang dilihat dari dua sudut positif dan negatif. Walaupun terdapat banyak peribahasa yang membawakan gambaran negatif tentang wanita bukan bermakna wanita mempunyai kedudukan yang rendah dalam masyarakat Melayu tetapi wanita diletakkan pada tempat berharga. Gambaran sedemikian mempunyai pelbagai tujuan sesuai dengan fungsi peribahasa sebagai alat kawalan sosial.

Nor Hashimah (2000) telah menggarapkan isu seksis dalam peribahasa Melayu. Walaupun hanya enam peribahasa yang berkaitan dengan wanita dianalisis dalam kajian ini tetapi makna bagi setiap peribahasa dikupas secara mendalam. Tafsiran makna yang diberi, memperlihatkan ada nilai relevan antara makna tersirat dengan ungkapan tersurat. Keenam-enam peribahasa yang dianalisis merupakan ungkapan yang membawa gambaran negatif tentang wanita. Peribahasa sedemikian dikatakan bukan bertujuan untuk menghina wanita tetapi harus dijadikan panduan dalam mendidik mereka berdasarkan norma sosial.

Perlambangan imej wanita dalam peribahasa Melayu lebih banyak mengandungi maksud negatif. Pandangan tersebut diutarakan oleh Zaitul Akma (2009) menerusi penelitiannya ke atas peribahasa yang dilihat dari dimensi kebahasaan. Pemerian kisah wanita dalam peribahasa kebanyakannya mewakili perempuan atau wanita yang jahat, curang, berkelakuan tidak senonoh, tidak pandai menjaga maruah diri, pemalas, dan pengotor. Menerusi perbandingan antara maskulin dengan feminin dalam peribahasa maka ditemukan unsur-unsur negatif yang menjadi lambang kepada wanita. Kebanyakan peribahasa yang menggambarkan anamoli wanita diungkapkan dengan tiga perkataan sahaja seperti lesung mencari antan, enau memanjat sigai, dan ulam mencari sambal. Pemilihan dan pemakaian diksi yang sedemikian dalam peribahasa menyerlah estetika khazanah lisan ini.

Menerusi perbincangan oleh Wan Norasikin (2012) berdasarkan 40 peribahasa yang memerikan tentang wanita disimpulkan bahawa perlambangan imej wanita dalam peribahasa lebih banyak mengandungi gambaran negatif. Rumusan sedemikian dilakukan kerana wanita dalam peribahasa ditandakan dengan unsur negatif seperti harimau, pelesit, dan bunga dedap. Nadia (2016) secara ringkas membicarakan simbolik bunga dalam peribahasa Melayu. Bunga dikaitkan dengan wanita. Dalam perbincangan tersebut, sebanyak 21 ungkapan dikemukakan dan dibahagikan kepada tiga unsur, iaitu unsur kecantikan, unsur sindiran, dan unsur pengajaran. Garapan idea yang digagaskan sekadar melihat persamaan antara bunga dengan wanita.

Siti Nur Izzaty & Norsimah (2017) mengkaji unsur feminisme dalam peribahasa Melayu. Kajian yang dilakukan tidak menyeluruh dan bersifat selektif. Tumpuan kajian hanya pada 17 peribahasa yang menggambarkan wanita secara positif. Mereka turut menyimpulkan bahawa

jumlah peribahasa yang mengandungi unsur feminisme itu tidak begitu dominan dan menolak sebahagian kajian-kajian lepas yang hanya menumpukan wanita dalam ruang lingkup yang negatif sahaja kerana kajian mendapati bahawa wanita yang mempunyai ciri kepositifan itu ada juga diperkatakan dalam peribahasa.

Kesimpulannya, pencitraan wanita dalam peribahasa diungkapkan dengan pelbagai ceritera. Berdasarkan pandangan di atas maka dapat disimpulkan bahawa wanita dicitrakan secara berkias dalam peribahasa. Wanita lebih banyak digambarkan secara negatif terutamanya dari segi fiil yang dipamerkan. Namun, perbincangan kali ini hanya tertumpukan pada kemuliaan wanita yang dimanifestasi dalam khazanah lisan ini. Kemuliaan tersebut memancarkan peradaban Melayu yang tersembunyi di sebalik ungkapan ringkas milik kolektif masyarakat tersebut.

### **Keluhuran Wanita Melayu**

Masyarakat Melayu mempunyai peradaban. Mereka memiliki acuan tersendiri dalam membentuk peribadi wanita. Cetakan keluhuran wanita mengikut tanggapan masyarakat Melayu adalah subjektif. Wanita Melayu sama ada yang bergelar anak dara, isteri, janda, atau yang telah berusia perlu mempamerkan keluhuran peribadi sejajar dengan norma masyarakat. Aspek tersebut boleh diteliti dari hujung rambut hingga mencecah hujung kaki, secara lahiriah dan batiniah. Dalam mencermati keluhuran wanita Melayu yang dicitrakan dalam peribahasa Melayu, ungkapan tentang sifat wanita oleh Tenas Effendy (1989) dijadikan pegangan dan landasan dalam perbincangan. Menerusi naskah *Perempuan Dalam Acuan Budaya Melayu Riau*, keluhuran wanita dari pelbagai dimensi diperhalus dalam bentuk ungkapan berangkap seperti contoh di bawah;

Dari senja sampailah pagi  
Pabila siang cahaya memudar  
Hatinya mulia perangai terpuji  
Siapa memandang dada berdebar

(Tenas Effendy,1989: 1)

Yang dikatakan **perempuan**:  
"kalau duduk, duduk beriman  
Kalau tegak, tahu sempadan  
Kalau melangkah tahu pedoman  
Kalau memakai sesuai di badan"

(Tenas Effendy,1989: 2)

Yang dikatakan **perempuan**:  
"ketika dara menjadi idaman  
setelah dewasa jadi rebutan  
sebagai isteri jadi teladan  
sebagai ibu jadi ikutan  
sebagai manusia ia dimuliakan"

(Tenas Effendy,1989: 2)

Ungkapan di atas memerihalkan sifat wanita yang digambarkan memiliki keluhuran dari segi rupa paras yang cantik seperti bulan. Wanita Melayu turut digambarkan memiliki kelembutan dan segi tutur kata, hayunan langkah, serta mempamerkan fiil terpuji. Keluhuran wanita Melayu yang dipamerkan menerusi fitur dan fiil menyebabkan darjat mereka aura yang luar biasa. Wanita akan dianggap mulia dan dipandang tinggi sekiranya memiliki ciri-ciri tersebut.

## MANIFESTASI KELUHURAN WANITA DALAM PERIBAHASA MELAYU

### Rupa Paras

Setiap insan berbeza rupa paras. Kelainan tersebut memudahkan identifikasi terhadap individu terutamanya mengikut raut wajah. Terdapat ukuran dan nilai terhadap rupa paras seseorang. Perkara tersebut ditentukan dengan skala kata dalam memberikan jawapan bagi setiap ukuran seperti “cantik”, “jelita” dan “anggun” biasanya ditujukan kepada wanita yang menawan. Tenas Effendy (1989) turut menggambarkan kecantikan wanita seperti bulan dengan susunan kata;

Bulan penuh berpagar bintang  
Cahayanya lembut menembus awan  
Perempuan Melayu budi terbilang  
Lidahnyanya lembut rupa menawan

(Tenas Effendy, 1989: 1)

Menerusi ungkapan di atas, wanita Melayu dikatakan cantik bukan sahaja terpamer menerusi raut wajah yang menarik malahan turut diukur dari segi budi dan tutur kata yang dilontarkan. Bulan merupakan satelit bumi yang secara semula jadi bersinar pada waktu malam. Cahaya bulan merupakan sinaran dibalikkan daripada matahari. Fenomena cakerawala ini turut dipilin dengan diksi terpilih bagi menggambarkan rupa paras wanita. Berpegangkan motif bulan maka tiga bait kata yang memuji rupa paras wanita dicermati.

1. Bagai bulan empat belas  
Maksud: Kecantikan wajah seseorang wanita
2. Bagai bulan penuh mengambang di kaki awan  
Maksud: Perempuan cantik yang keluar dari rumah kerana hendak berjalan
3. Seperti bulan dipagar bintang  
Maksud: Seorang perempuan yang cantik berseri-seri apatah lagi apabila dikelilingi oleh rakan-rakan yang cantik-cantik juga

Dua daripada ungkapan di atas mencitrakan rupa paras wanita yang cantik dengan bulan purnama atau bulan penuh. Menurut Haron Daud (2001) matahari, bulan dan bintang dikenali orang Melayu kerana cahayanya maka cahaya tersebut dijadikan simbol kecantikan. Mengikut kalendar Islam, bulan akan kelihatan penuh atau disebut purnama pada tanggal 14 atau 15 setiap bulan. Tatkala itu, bulan tampak cantik dari bumi kerana cahaya yang meneranginya. Bentuk bulan yang bulat juga jelas kelihatan. Ruang angkasa yang gelita menjadi terang apabila disinari cahaya bulan terutamanya ketika bulan penuh. Keadaan tersebut akan menimbulkan rasa teruja kepada yang memandang.

Bulan purnama yang berada di kaki awan juga kelihatan cantik. Bulan tidak kelihatan sepenuhnya kerana ada bahagian yang dilitupi awan. Sukar dilihat bulan di kaki awan kerana suasana gelap pada waktu malam. Bulan yang dikelilingi bintang menjadikan ruang angkasa tambah bercahaya dan menarik dipandang. Ditambah pula dengan kerlipan bintang menyebabkan bulan semakin menarik untuk ditatap dan direnung. Keadaan tersebut jarang-jarang dapat dilihat. Oleh sebab itu, wanita cantik diibaratkan bulan empat belas kerana meminjam sifat bulan ketika mengambang. Keelokan fitur wajah wanita yang bundar dan berseri-seri amat sesuai dipadankan dengan bulan.

Dalam *Sulalatus Salatin* (2015), kecantikan Tun Fatimah digambarkan seperti bulan purnama dengan gambaran yang berikut:

Apabila ALKISAH maka tersebutlah perkataan peribaik paras anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah itu, terlalu sekali elok rupanya, tiadalah cendalanya lagi, sedap manis pantas pangus, seperti laut madu, bertasik susu, berpantaikan sakar; mukanya bercahaya berkilat-kilat seperti bulan purnama ketika cuaca.

(A. Samad Ahmad 2015: 250)

terpandang wajah Tun Fatimah yang sedemikian rupa maka Sultan Mahmud Syah amat berkenan pada wanita tersebut. Kecantikan yang dimiliki oleh Tun Fatimah seperti bulan purnama menyebabkan Sultan sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mendapatkannya walaupun tanpa kerelaan pemilik badan. Wanita cantik juga ditautkan dengan emas seperti yang dicitrakan dalam ungkapan di bawah.

4. Seperti emas baru disepuh  
Maksud: Seorang perempuan yang sangat elok rupanya
5. Seperti emas yang sudah tersepuh  
Maksud: Paras yang elok

Suatu ketika dahulu, emas merupakan perhiasan orang berada. Bukan semua golongan mampu memilikinya. Ternyata pemuliaan gender dan ketinggian darjat wanita ditonjolkan menerusi ungkapan tersebut. Wanita dipadankan dengan barangan yang sangat bernilai. Sesiapa sahaja akan teruja melihat barang kemas terutamanya kaum wanita. Begitu juga wanita cantik. Kecantikannya boleh memukau orang yang memandang terutamanya lelaki. Harga emas sentiasa tinggi dan mahal. Semakin berat timbangannya semakin mahal harga yang perlu dibayar untuk membeli emas. Semua wanita sama ada cantik atau sebaliknya mempunyai harga diri.

Dalam *Syair Dang Sirat*, kecantikan Raja Patani turut disetarakan dengan emas seperti yang tergambar dalam bait di bawah.

Demikian mulanya zaman suatu  
Negeri Johor kerajaan tentu  
Raja berasal keturunan itu  
Laksana emas sepuluh satu

Daulat tuanku raja bangsawan  
Muda teruna sikap pahlawan  
Sedap manis barang kelakuan  
Segala yang memandang menaruh rawan

(Abdullah Zakaria 2016: 9)

Raja Patani tersebut digambarkan cantik seperti emas sepuluh, iaitu emas daripada jenis yang sangat elok dan tinggi harganya. Kecantikan tersebut memukau orang yang memandang Raja Patani terutamanya golongan lelaki sehingga mereka jatuh hati kepada wanita istana tersebut. Emas dijadikan simbol bagi mencitrakan wanita cantik seperti Raja Patani. Emas yang baru disepuh bermaksud barang perhiasan tersebut disadur atau dicelup dengan garam khas untuk menuakan warna emas. Emas berwarna kuning-kekuningan akan tambah berseri dan berkilau setelah melalui proses tersebut. Emas lama, jika disepuh akan kelihatan seperti baharu kerana warna yang menyerlah. Emas sentiasa ada harga dan tinggi nilainya. Keluhuran wanita ditautkan dengan barangan yang bernilai.

Keluhuran wanita dicitrakan menerusi pujian atas kecantikan yang dimiliki. Ungkapan tersebut jelas mencerminkan peradaban Melayu dari segi ketinggian pemikiran. Pemakaian motif bulan dan emas sememangnya amat sesuai digandingkan dengan wanita cantik.

### Gaya Melangkah

Pengamatan masyarakat Melayu terhadap wanita amat teliti. Cara wanita berjalan turut dicermati. Orang Melayu juga mempunyai set peraturan yang perlu dipatuhi oleh wanita dalam menyusun langkah dan mereka seolah-olah mempunyai piawai untuk menilai cara wanita berjalan. Perihal tersebut digambarkan oleh Tenas Effendy (1989) dengan bait kata berbunyi;

Yang dikatakan **perempuan**:  
"kalau duduk, duduk beriman  
Kalau tegak, tahu sempadan  
Kalau melangkah tahu pedoman  
Kalau memakai sesuai di badan"

6. Lenggok-lenggang bagai cupah (sabut) hanyut  
Maksud: Gaya jalan yang lemah lembut dan menarik
7. Cik puan melangkah ular tak lepas  
Maksud: Gerak-geri perempuan yang lemah lembut

Cupah atau sabut merupakan bahagian dalam kulit kelapa. Cupah berwarna coklat dan ringan sifatnya. Dahulu kala, cupah digunakan sebagai alat untuk menggosok sama ada dijadikan penyental badan ketika mandi atau mengganyah pinggan mangkuk. Kehidupan masyarakat Melayu tradisi dengan sungai begitu intim. Mereka mandi dan mencuci peralatan rumah di sungai dengan menggunakan sabut sebagai alat menggosok. Tidak mustahil cupah yang digunakan jatuh ke dalam sungai dan hanyut dibawa air. Pengamatan daripada peristiwa tersebut mungkin dijadikan kiasan seperti dalam ungkapan di atas.

Cupah berserat-serat halus dan ringan serta mudah dibawa arus air. Gerakan cupah yang meliuk-liuk amat sesuai dikiaskan dengan gaya wanita berjalan. Pemakaian motif tersebut masih sesuai digandingkan dengan maksud tersurat. Wanita Melayu yang bertubuh kecil dan kurus mempamerkan lenggang yang lembut ketika berjalan. Badannya meliuk-liuk serta ayunan tangan yang lembut memperlihatkan cara berjalan wanita Melayu yang penuh tertib. Hayunan langkahnya juga perlahan seperti yang digambarkan dalam rangkap syair *Sultan Abdul Muluk* (Abu Hassan 1993) di bawah.

Dura berjalan lemah-gemalai,  
Usulnya menjelis sederhana lampai;  
Ke kampung menteri ia pun sampai,  
Datuk perdana ada di balai.

(Abu Hassan 1993:609)

Menerusi bait tersebut, Dura iaitu Siti Rafeah dilukiskan menyusun langkah dengan lemah gemalai. Walaupun menyamar sebagai seorang lelaki namun ciri kewanitaan dari segi berjalan tidak dapat disembunyikan. Gambaran tersebut merupakan ciri wanita ideal yang dikonstruksi mengikut kehendak masyarakat Melayu. Ungkapan 'cik puan melangkah ular tak lepas' dan 'semut dipijak tak mati, antan dilanda patah tiga' tidak mempertalikan wanita dengan apa-apa motif. Wanita dicitrakan menerusi gambaran situasi. Dalam ungkapan 'cik puan melangkah ular tak lepas' membawa pengkisahan akan lembut serta sopan wanita berjalan sehinggakan tidak mampu melangkahi ular. Ular merupakan binatang berbisa yang ditakuti. Walaupun ungkapan tersebut memuji pergerakan wanita tetapi termuat unsur tidak logik kerana setiap orang pasti akan melarikan diri apabila ternampak ular bukannya melangkahi ular tersebut. Ungkapan di

atas jelas memperlihatkan ciri peradaban dalam penampilan seorang wanita. Ada piawaian tentang hayunan langkah wanita yang sepatutnya dipatuhi. Langkah yang sopan dan teratur perlu dipamerkan sesuai dengan tanggapan bahawa wanita memiliki sifat kelembutan dalam segenap segi.

### Anggota dan Bentuk Badan

Anggota badan wanita turut dicermati dan dizahirkan pujian menerusi peribahasa. Wanita yang pandai menjaga diri dan penampilan pasti akan kelihatan menarik.

8. Delima merekah  
Maksud: Warna bibir yang menarik pada perempuan

Bibir wanita kelihatan cantik ketika mengukir senyum dipertalikan dengan buah delima merekah dalam menjalin makna menerusi ungkapan di atas. Isi delima berbentuk biji-biji kecil yang melekat antara satu dengan lain dan mengandungi air. Rasanya manis dan ada juga yang masam-masam manis. Buah delima akan merekah jika keadaan terlalu panas. Rekahan kecil dan memanjang akan memperlihatkan isi delima yang berwarna merah dan tersusun rapat-rapat. Rekahan delima tersebut dikiaskan dengan bibir mongel wanita yang berwarna merah tatkala tersenyum. Senyuman tersebut menampakkan sedikit gusi dan gigi yang berbaris seperti merah isi delima.

Dalam *Syair Bidasari* (1989), ungkapan tersebut digunakan dalam mencitrakan kecantikan Bidasari.

Giginya seperti delima *melakah*  
Serta terpdang hati terbuka  
Jikalau *saghullah* hati yang duka  
Terpdanglah dia menjadi suka

(Jamilah Ahmad 1989: 44)

Buah delima akan merekah jika terdedah pada panas mentari. Keadaan tersebut disamakan seperti bibir mongel wanita yang berwarna kemerahan seperti memakai gincu. Keadaan bibir tersebut menampakkan sedikit gigi yang tersusun seperti isi delima. Pemikiran halus orang Melayu tersingkap apabila delima hanya ditanam di halaman rumah untuk dijadikan hiasan atau dibuat ubat mampu dipertalikan dengan bibir wanita. Walaupun bibir wanita dipadankan dengan buah delima merekah namun maruah wanita tidak dicerca.

9. Lambai bagai pimping di lereng, lemah bagai legundi muda  
Maksud: Pujian untuk perempuan yang mempunyai bentuk badan yang bagus dan menarik

Bentuk badan wanita yang menarik turut dicitrakan dalam peribahasa Melayu. Dalam ungkapan di atas, fitur tubuh wanita dipadankan dengan tumbuh-tumbuhan, iaitu pokok pimping. Pimping merupakan sejenis rumput seperti gelagah atau tebu yang batangnya kurus dan tinggi. Tumbuhan ini lebih mudah ditemukan di tebing sungai. Ukuran batang pimping semakin mengecil pada bahagian hujung. Batangnya tidak berongga dan sering digunakan untuk dibuat batang kalam dan joran. Pohon pimping yang kurus dan tinggi akan kelihatan menarik tatkala ditiup angin. Secara denotatif, pimping digambarkan tumbuh di lereng bukit. Pimping yang tumbuh di lereng bukit pasti nampak menarik apabila dipuput bayu kerana pohon ringan itu akan bergoyang-goyang secara perlahan-lahan. Wanita yang mempunyai susuk tubuh yang kurus dan tinggi amat sesuai dikiaskan dengan pohon pimping. Malah menurut estetika Melayu, wanita yang tinggi lampai (sampai hampir enam kaki atau 1.75 meter) dan kurus serta leper pula diibaratkan sebagai 'galah' atau 'batang kelapa' (Azah Aziz 2009). Susuk



tubuh sedemikian juga menarik dipandang ketika berjalan dan tampak gemalai seperti pimping ditiup angin. Tambahan pula, wanita Melayu memang cukup terkenal dengan kesantunan ketika berjalan sehingga dikatakan 'semut dipijak pun tidak akan mati'. Betapa lembutnya wanita melangkah. Lantaran itu, jelas difahami masyarakat Melayu meletakkan bentuk tubuh yang kurus dan rendah dalam mencirikan wanita cantik seperti dalam dua rangkap pantun di bawah.

Rumah kecil pintu ke laut,  
Tempat orang menggesek biola;  
Tubuh kecil bagaikan diraut,  
Di situ tempat hatiku gila.

(Norhayati 2008: 120)

### **Keluhuran Tingkah Laku**

Kemuliaan wanita turut dipancarkan menerusi tingkah laku elok yang dipamerkan. Bangsa bertamadun memiliki set tingkah laku yang sewajarnya dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Dalam peradaban Melayu, bangsa ini turut menggariskan tingkah laku yang perlu diamalkan oleh wanita seperti yang dinukilkan dalam bait kata di bawah.

Yang disebut gadis pilihan:  
" gadis tahu menjaga badan  
menjaga diri memelihara iman  
menjaga lidah serta kelakuan  
menjaga langkah ketika berjalan  
menjaga marwah ketika berkawan  
menjaga aib malu dalam pergaulan  
menjaga diri dari kesalahan  
menjaga hati dari kesesatan  
menjaga nafsu dari godaan  
menjaga selera dari ketamakan  
gadis tahan dalam cobaan

(Tenas Effendy, 1989: 7)

10. Jinak-jinak merpati  
Maksud: Orang perempuan yang nampak jinak tetapi setelah didekati ternyata sebaliknya

Dari segi fil mulia, wanita sewajarnya sentiasa menjaga maruah diri. Menerusi ungkapan di atas, wanita yang bijak menjaga harga diri dipertalikan dengan sifat burung merpati, iaitu jinak. Burung merpati dikatakan jinak kerana akan datang merapat jika ditaburkan makanan seperti jagung atau sekoi. Merpati bertindak sedemikian kerana diberikan perhatian. Merpati mempunyai penampilan yang halus dan lembut. Pergerakannya pula perlahan terutamanya ketika memagut makanan dan semacam mudah dipegang atau ditangkap. Namun begitu akan pantas terbang apabila dihampiri atau cuba ditangkap. Burung merpati juga dikatakan binatang yang unik kerana mampu membaca gerak tangan dan isi hati orang yang melemparkan makanan kepadanya. Merpati hanya datang memagut makanan jika dirasakan makanan tersebut ditabur dengan keikhlasan dan tanpa syarat terselindung. Pesona diri wanita seperti merpati amat memikat lelaki. Atas karisma yang dimiliki, wanita akan mengelakkan diri daripada dirapati lelaki kerana menyedari hak dan maruah diri perlu dipertahankan.

Ungkapan 'jinak-jinak merpati', memuji wanita atas sikap yang dimiliki. Wanita yang dicitrakan seperti burung merpati mempamerkan sikap mudah mesra tetapi sukar dipikat. Wanita tersebut akan menjauhkan diri apabila berasakan dalam bahaya. Tujuan tindakan sedemikian

adalah untuk menjaga keselamatan diri, mempertahankan maruah atau mengelak daripada menjadi mangsa lelaki.

11. Kerling bagai pelita akan padam

Maksud: Pujian kepada wanita yang cantik/ amat baik matanya

Wanita juga sering kali dikaitkan dengan sifat menjaga pandangan mata dan memiliki sifat pemalu. Menerusi ungkapan di atas, darjat wanita diangkat. Wanita dipuji kerana daya tarikan pada matanya dan bijak menjaga pandangan mata. Kerling bermaksud gerakan mata ke kiri dan ke kanan secara perlahan dengan menggunakan ekor mata. Gerakan mata sedemikian digambarkan seperti api pelita yang akan padam. Cahaya pelita bersumbukan tali sabut akan malap secara perlahan-lahan dan meliuk-liuk beberapa ketika sebelum terpadam. Jika direnung dengan teliti, liuk-liuk api pada sumbu amat menarik kerana api kelihatan seolah-olah akan terpadam kerana ada tiupan angin tetapi muncul semula secara perlahan-lahan. Ketika mengerling, mata kelihatan kecil dan pandangan dengan ekor mata memperlihatkan riak kemanjaan seorang wanita. Wanita yang memiliki mata sedemikian diiktiraf cantik jika dibandingkan dengan wanita bermata besar kerana cara mereka memandang agak kurang sopan dan kelihatan seperti perempuan galak.

Pencitraan mata wanita yang dilukiskan dalam ungkapan tersebut amat sesuai dan kesempurnaan gender diperlihatkan. Wanita sewajarnya menjaga pandangan mata. Secara tersirat wanita diingatkan agar tidak melilau memandang sekeliling kerana boleh menimbulkan fitnah terutamanya bagi wanita yang bergelar anak dara. Perkara tersebut sejajar dengan firman Allah SWT melalui surah An-Nur ayat ke-31 yang bermaksud “Katakanlah kepada perempuan yang beriman agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang biasa terlihat. Ungkapan tersebut juga menyerlahkan sifat malu yang perlu ada pada wanita terutamanya yang bergelar anak dara. Sifat malu merupakan keperibadian yang mampu mengangkat kemuliaan wanita. Masyarakat Melayu memandang sifat malu sebagai benteng bagi wanita daripada bertindak anomali. Menerusi rangkuman kata berikut, Tenas Effendy (1989) memerihal sifat wanita Melayu yang pemalu;

Yang disebut **perempuan ternama**:

“hatinya penuh iman dan takwa  
cintanya tercurah kepada Allah  
tahu menjaga budi pekerti  
tahu menjaga maruah keluarganya  
tahu menjaga rumah tangganya  
tahu menjaga aib malunya  
tahu menjaga nama baiknya”

Tingkah laku luhur mencerminkan peradaban Melayu yang mulia. Menerusi tindakan dan perlakuan, sifat dan fiil sesuatu bangsa akan dinilai. Tingkah laku luhur yang dipamerkan oleh wanita Melayu akan menyebabkan bangsa tersebut dipandang mulia.

## KESIMPULAN

Menerusi konstruk sosial, orang Melayu memiliki acuan tersendiri dalam membentuk keperibadian wanita yang disepakati. Tujuannya adalah untuk memastikan wanita Melayu memiliki kualiti diri yang disanjung dan dapat diterima kolektif. Manifestasi keluhuran wanita Melayu ditemukan dalam peribahasa dengan pelbagai kisah pengungkapan. Keluhuran wanita dicitrakan secara lahiriah dan batiniah menepati sifat wanita Melayu seperti yang terjalin dalam

naskhah *Perempuan Dalam Acuan Budaya Melayu Riau*. Keluhuran wanita ditampilkan dengan pancaran identiti bangsa agar dapat dijadikan ikutan dan sekali gus mencerminkan peradaban Melayu. Kehasilan peribahasa yang merupakan rakaman kehidupan orang Melayu mampu menjelaskan bahawa bangsa Melayu merupakan bangsa yang bertamadun. Peribahasa memancarkan peradaban Melayu menerusi intipatinya sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Selain itu, kebitaraan Melayu juga diserlahkan melalui unsur metafora yang dijalinan dengan diksi terpilih bagi menzahirkan denotasi dan konotasi setiap ungkapan.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (2015). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu edisi pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria. (2016). Naskhah Melayu Patani Mengupas Sejarah dan Kedaulatan Kerajaan Melayu di Selatan Thailand. Kertas Seminar. Siri Seminar Naskhah Melayu 1, 2016..29 April 2016.
- Abu Hassan Sham. (pngr.). (1993). *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2012). "Ceritera wanita dalam Sulalat-us-Salatin". Dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (pnyt.) *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu) Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*, hlm. 71-90. Penerbit Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2017). Hang Tuah Lambang Peradaban Bangsa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*: 20-34.
- Azah Aziz. (2009). *Rupa & Gaya Busana Melayu Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahiyah Dato' Abdul Hamid & Hafriza Burhanudeen. (1998). Men and Women in Malay Proverbs: An Analysis of Malay Gender Ideology. Dlm. S. Zaleha S. Hassan & Rashila Ramli (penyt.). *Kedudukan dan Citra Wanita Dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*, hlm. 148-158. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jamilah Ahmad. (pngr.). (1989). *Syair Bidasari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nadia. (2017). Simbolik Bunga dalam Peribahasa. Melayu. *Pelita Bahasa*. Jil.28.:41-43.
- Norhayati Ab. Rahman. (2008). Citra Wanita Dalam Pantun Melayu. Dlm. Zainal Abidin & Ramli. (peny.). *Pantun Warisan Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000). Seksis atau Sosialisasi: Satu Interpretasi Makna Berdasarkan Peribahasa Melayu. <http://mabbim.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2015/04/seksis20.pdf> [5 Mei 2019].
- Rahimah Hamdan & Shaiful Bahri M.D. Radzi. (2014). Gender Perspective in Malay Proverbs. *Middle-East Journal of Scientific Research* Vol.22 (1): 99-106.
- Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal. (2017). Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik* Jil. 21 (2):15-23.
- Tenas Effendy. (1989). *Perempuan dalam acuan budaya Melayu Riau*. Dewan Kesenian Riau: Pekan Baru.
- Wan Norasikin Wan Ismail. (2012). Wanita Dalam Peribahasa. *Pelita Bahasa* Jil.27 Bil.11:26-29.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Konsep Maskulin dan Feminin dalam Peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa* Jil.9 Bil.3: 28-30.

